



## SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A - ELAUN DAN KEMUDAHAN SEMASA LATIHAN
- LAMPIRAN B - DOKUMEN SETUJU TERIMA TAWARAN LATIHAN
- LAMPIRAN C - SENARAI SEMAK DOKUMEN SEMASA LAPOR DIRI
- LAMPIRAN D - KEPERLUAN DAN KELENGKAPAN UNTUK DIBAWA  
SEMASA HARI PENDAFTARAN.
- LAMPIRAN E - SENARAI NAMA BANK MENGIKUT KOLEJ KKM

**BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

## LAMPIRAN A

### ELAUN DAN KEMUDAHAN SEMASA LATIHAN.

#### 1. Elaun Di Peringkat Diploma

- |      |                               |   |                                         |
|------|-------------------------------|---|-----------------------------------------|
| 1.1. | Biasiswa                      | - | RM835.57 sebulan                        |
| 1.2. | Elaun Buku                    | - | RM250.00 sekali setahun                 |
| 1.3. | Elaun Perkakas                | - | RM25.00 sekali sepanjang tempoh latihan |
| 1.4. | Elaun Kertas Projek           | - | RM90.00 sekali setahun                  |
| 1.5. | Elaun Jahitan Pakaian Seragam | - | RM45.00 sepasang                        |

#### 2. Elaun di Peringkat Sijil

- |      |                               |   |                                         |
|------|-------------------------------|---|-----------------------------------------|
| 2.1. | Biasiswa                      | - | RM755.06 sebulan                        |
| 2.2. | Elaun Buku                    | - | RM240.00 sekali setahun                 |
| 2.3. | Elaun Perkakas                | - | RM25.00 sekali sepanjang tempoh latihan |
| 2.4. | Elaun Kertas Projek           | - | RM80.00 sekali setahun                  |
| 2.5. | Elaun Jahitan Pakaian Seragam | - | RM45.00 sepasang                        |

### **3. Kemudahan Perjalanan Dengan Kapal Terbang**

3.1. Calon daripada Negeri Sabah dan Negeri Sarawak yang menerima tawaran ini dan ditempatkan di mana-mana Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) di Sarawak, di Sabah dan di Semenanjung hendaklah menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing bagi urusan tiket penerbangan.

**i) Jabatan Kesihatan Negeri Sabah di talian 088-265960**

**ii) Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di talian 082-256566**

### **4. Pakaian Seragam**

4.1. Calon akan dibekalkan pakaian seragam mengikut kelayakan-kelayakan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia di sepanjang tempoh latihan seperti berikut:

4.1.1. Tahun Pertama - 3 pasang

4.1.2. Tahun Kedua - 2 pasang

4.1.3. Tahun Ketiga - 2 pasang

### **5. Kemudahan Tempat Tinggal (Asrama) dan Penyediaan Makanan**

5.1. Bayaran asrama yang dikenakan adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Calon juga dikehendaki membayar di atas kadar yang ditetapkan oleh pihak kolej bagi penyajian makanan di asrama tersebut sekiranya ada.

5.2. Calon ILKKM, diwajibkan untuk tinggal di asrama yang disediakan.

### **6. Rawatan Perubatan**

6.1. Calon adalah layak untuk mendapatkan rawatan perubatan percuma pada setiap kali mendapatkan rawatan di Hospital-hospital Kerajaan di sepanjang tempoh latihan ini dan sekiranya dikehendaki mendapatkan rawatan di wad, calon berkelayakan Wad Kelas Dua.

### **7. Cuti**

Calon adalah layak untuk mendapat cuti semester yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**DOKUMEN-DOKUMEN SETUJU TERIMA TAWARAN LATIHAN.**

**A. PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIURUSKAN SEBELUM LAPOR DIRI.**

**1. Borang Pemeriksaan Kesihatan.**

1.1 Calon dikehendaki mengisi borang pemeriksaan kesihatan yang disertakan dan menyerahkan kepada Pengamal Perubatan Berdaftar di Hospital / Klinik Kerajaan atau Swasta semasa menjalani pemeriksaan.

1.2 **Pemeriksaan Hiv, Ujian Dadah, Hepatitis B, Hepatitis C dan *Urine Pregnancy Test (UPT)* adalah diwajibkan kepada semua calon pelatih yang ditawarkan kursus separa perubatan anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (Ujian (UPT) adalah dikhaskan untuk calon wanita sahaja).**

1.3 Calon-calon hendaklah mengisytiharkan status kesihatan masing-masing samada mengidap Sakit Jiwa, Epilepsy (Sawan), Penyakit Berjangkit seperti Hepatitis B, Hepatitis C dan HIV/AIDS kepada Pengamal Perubatan Berdaftar di Hospital / Klinik Kerajaan atau Klinik Swasta semasa menjalani pemeriksaan.

1.4 Kegagalan calon pelatih untuk mengisytiharkan status kesihatan tersebut boleh menyebabkan calon ditamatkan serta merta jika pengesahan tersebut diterima selepas lapor diri atau sedang berkursus.

1.5 **Laporan Pemeriksaan Kesihatan mestilah disempurnakan sebelum tarikh melapor diri ke kolej KKM atau kolej swasta di bawah tajaan KKM.**

**2. Penerimaan Tawaran Bagi Penjawat Awam:**

2.1. Sekiranya calon adalah seorang Penjawat Awam yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan **belum disahkan** dalam perkhidmatan sewaktu menerima tawaran ini maka beliau hendaklah meletakkan jawatan mengikut peraturan dan syarat- syarat perkhidmatan masing-masing. Sesalinan Notis Peletakan Jawatan hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**B. PERKARA-PERKARA YANG AKAN DIURUSKAN DI KOLEJ SELEPAS LAPOR DIRI.**

**1. Borang Perjanjian dan Borang Perakuan Penjamin (akan diberikan di kolej).**

Calon dikehendaki mengisi dan menandatangani Borang Perjanjian dan Borang Perakuan penjamin-penjamin yang disertakan bersama-sama Surat Tawaran. Sila  **baca dengan teliti Panduan Mengisi Borang Perjanjian sebelum mengisi dokumen-dokumen perjanjian** yang berkenaan.

**2. Surat Akuan Sumpah (akan diberikan di kolej).**

Calon dikehendaki mengangkat sumpah dan menurunkan tandatangan calon di hadapan Pesuruhjaya Sumpah di dalam Surat Akuan Sumpah yang dikembarkan. Tawaran latihan dan biasiswa calon boleh ditamatkan dengan serta merta sekiranya butir-butir yang tercatat di dalam surat akuan sumpah tersebut adalah palsu.



Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan

## LAMPIRAN C

### SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) DOKUMEN-DOKUMEN SEMASA LAPOR DIRI:

- |    |                                                            |   |           |
|----|------------------------------------------------------------|---|-----------|
| 1. | Surat tawaran tempat latihan dan satu (1) salinan fotostat | - | 1 salinan |
| 2. | Borang Pemeriksaan Kesihatan                               | - | 1 set     |
| 3. | Sijil Asal PMR/SRP/SPM/SPMV dan satu salinan fotostat      | - | 1 set     |
| 4. | Surat Beranak Asal dan satu salinan fotostat               | - | 1 set     |
| 5. | Kad Pengenalan Asal dan satu salinan fotostat              | - | 1 set     |
| 6. | Gambar warna berukuran passport                            | - | 6 keping  |

### PERKARA PENTING:

Perkara 1 hingga 6 hendaklah diserahkan ke kolej semasa melapor diri

Semua calon hendaklah menyempurnakan laporan kesihatan sebelum melapor diri ke kolej. Bagi calon-calon yang melakukan pemeriksaan kesihatan di pengamal perubatan swasta, bayaran adalah di bawah tanggungan calon sendiri.



## LAMPIRAN D

### KEPERLUAN DAN KELENGKAPAN YANG PERLU DIBAWA SEMASA HARI PENDAFTARAN.

1. Cadar (warna tidak ditetapkan) - 1 helai
2. Bantal dan Sarung Bantal - 1 biji / 1 helai
3. Selimut - 1 helai
4. Pakaian Sukan dan Kasut Sukan - 1 pasang
5. Wang saku secukupnya untuk kegunaan sendiri sebelum mendapat biasiswa / elaun.
6. **Wang Pendahuluan** untuk bayaran:
  - (i) Bayaran makan dan asrama akan ditetapkan oleh kolej masing-masing
  - (ii) Pakej Program Orientasi dan Ko-kurikulum sebanyak RM100.00
  - (iii) Insuran perlindungan bagi 3 tahun pengajian sebanyak RM90.00
  - (iv) Deposit kunci asrama sebanyak RM100.00

LAMPIRAN E

**SENARAI NAMA BANK MENGIKUT KOLEJ KKM**

BIL	NAMA KOLEJ	NAMA BANK	CATATAN
1.	KSKB JOHOR BAHRU	BSN	
2.	KSKB SULTAN AZLAN SHAH, ULU KINTA	CIMB	
3.	KSKB SUNGAI BULOH	RHB	
4.	KSKB KUCHING	SEMUA BOLEH	kecuali: AGROBANK
5.	KSKB KOTA KINABALU	BANK ISLAM	
6.	KJ ALOR SETAR	BSN	
7.	KJ SUNGAI PETANI	BSN	
8.	KJ PULAU PINANG	BSN	
9.	KJM BUKIT MERTAJAM	CIMB	
10.	KJ MELAKA	BSN	
11.	KJ MUAR	BSN	
12.	KJ KUANTAN	CIMB	
13.	KJ KUALA PILAH	CIMB	
14.	KJ KUALA TERENGGANU	MAYBANK	
15.	KJ KUBANG KERIAN	BSN	
16.	KJ SANDAKAN	CIMB	
17.	KJ SIBU	CIMB	
18.	KJM KULIM	MAYBANK	
19.	KJM PORT DICKSON	BANK ISLAM	
20.	KJM BATU PAHAT	CIMB	
21.	KJM SEGAMAT	BSN	
22.	KJM JERANTUT	CIMB	
23.	KTMP KUALA LUMPUR	CIMB / RHB	
24.	KJM SERIAN	BSN	
25.	KJM KLUANG	MAYBANK	
26.	KJM PASIR MAS	BANK ISLAM	
27.	KJM KANGAR	MAYBANK	
28.	KJM TAWAU	BANK ISLAM	
29.	KPP SEREMBAN	PUBLIC BANK	
30.	KPP ALOR SETAR	BSN	
31.	KKA BATU RAKIT	BSN	
32.	KKA KUCHING	BSN/RHB/MAYBANK/HONGLEONG	

Sila buka akaun dengan bank seperti di atas (sekiranya belum) untuk tujuan pembayaran biasiswa. Hubungi kolej yang berkenaan untuk pertanyaan atau maklumat lanjut.